

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**



**MAJLIS DAERAH PASIR MAS
KOMPLEKS APAM PUTRA, BANDAR BARU PASIR MAS
LUBOK JONG, 17070 PASIR MAS
KELANTAN DARUL NAIM**

**MANUAL GARIS PANDUAN
PERMOHONAN NAMA TAMAN DAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS
2016**

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
MAJLIS DAERAH PASIR MAS**

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Sebagai rujukan dan panduan kepada Majlis Daerah Pasir Mas dan Pemohon semasa permohonan kelulusan pelan alamat.
- 1.2 Memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan semasa semakan permohonan kelulusan nama taman, nama jalan dan nombor bangunan.
- 1.3 Memudahkan urusan memproses permohonan kelulusan nama taman, nama jalan dan nombor bangunan di kawasan Majlis.
- 1.4 Memastikan nama taman, nama jalan diberi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan penggunaan Bahasa Malaysia.
- 1.5 Memastikan nama taman, nama jalan dan nombor bangunan adalah seragam dan selaras dengan pembangunan sekitar.

2.0 LATAR BELAKANG

Garis Panduan ini disediakan bagi membantu pihak Majlis Daerah Pasir Mas untuk mengawal dan menentukan arah pembangunan dengan lebih terkawal, sistematik dan terancang. Permintaan ke atas permohonan nama taman, jalan dan nombor bangunan, semakin meningkat selaras dengan pembangunan semasa di Majlis Daerah Pasir Mas.

Selain itu, untuk memastikan pihak Majlis Daerah Pasir Mas mempunyai rujukan yang khusus kepada orang awam dan kakitangan Majlis Daerah Pasir Mas sendiri. Garispanduan ini mengandungi perkara-perkara utama seperti tujuan, sumber kuasa, skop kerja, proses kerja, kriteria penentuan permohonan nama taman, jalan dan nombor bangunan.

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

3.0 SUMBER KUASA

Sumber kuasa yang menjadi rujukan jabatan bagi pelaksanaan garis panduan adalah seperti berikut:

- a. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Menurut Subseksyen 39(b), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mana PBT boleh mengenakan bayaran bagi setiap perkhidmatan yang diberikan.

- b. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Menurut Subseksyen 29(1), Akta 133 yang mana tertakluk kepada kelulusan PBN, pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan nama jalan dan boleh mengubah nama jalan berkenaan.

Menurut Subseksyen 31(1), Akta 133 yang mana sesuatu rumah atau bangunan perlu mengandungi nombor dan mempamerkan nombor berkenaan di hadapan rumah atau bangunan dan dari semasa ke semasa boleh menukar nombor berkenaan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa tempatan.

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

4.0 KADAR BAYARAN

BAYARAN PERMOHONAN BARU

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	KADAR BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Perumahan / Kediaman	RM 200.00/ Permohonan	
2.	Perniagaan / Kedai Pejabat & Perindustrian	RM 300.00/ Permohonan	
JUMLAH			RM

BAYARAN PINDAAN NOMBOR BANGUNAN


BIL	NO. ASAL	NO. TUKARAN	BIL UNIT		RUMAH X RM 100.00	KEDAI / PEJABAT / KILANG X RM 150.00
			Rumah	Kedai/Pejabat/Kilang		
1	4	2A				
2	13	11A				
3	14	12A				
4	24	22A				
5	34	32A				
6	44	42A				
7	54	52A				
8	64	62A				
9	74	72A				
10	84	82A				
11	94	92A				
12	104	102A				
JUMLAH					RM	RM

*** permohonan nombor melebihi 104, guna kertas tambahan*

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

5.0 CARTA ALIR DAN PROSES PERMOHONAN

5.1 CARTA ALIR PERMOHONAN



**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

5.2 PROSES PERMOHONAN

5.2.1 Penerimaan Permohonan

- a. Pemohon mengemukakan permohonan di kaunter OSC. Petugas kaunter akan menyemak sama ada lengkap atau tidak lengkap. Jika tidak lengkap permohonan akan dikembalikan.
- b. Terima permohonan, pembayaran buka fail dan didaftarkan untuk proses seterusnya.

5.2.2 Penyediaan Kertas Kerja

- a. Kertas kerja akan disediakan oleh Unit Perancangan dan Pembangunan dan akan dikemukakan kepada Unit OSC untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk pertimbangan.

5.2.3 Keputusan Mesyuarat

- a. Keputusan mesyuarat akan diberi sama ada lulus, lulus bersyarat atau tolak.
- b. Sekiranya permohonan diluluskan tanpa pindaan, pelan alamat akan disahkan untuk diluluskan sebelum diserahkan kepada pemohon.
- c. Sekiranya permohonan diluluskan bersyarat, surat arahan bertulis berkenaan pindaan pelan alamat akan dikemukakan kepada pemohon. Pihak pemohon perlu meminda pelan alamat berdasarkan keputusan Mesyuarat JK OSC sebelum diberi pengesahan kelulusan.
- d. Sekiranya permohonan ditolak, surat penolakan akan dikemukakan kepada pemohon dan perlu mengemukakan permohonan baru. Pihak Majlis juga akan mengemukakan cadangan nama taman, nama jalan, nama bangunan dan nombor bangunan untuk membantu pemohon.
- e. Mesyuarat Jawatankuasa OSC juga boleh menangguhkan kelulusan permohonan sekiranya perlu.

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

5.2.4 Kelulusan.

- a. Surat kelulusan dikeluarkan dan pelan alamat dicop untuk pengesahan Majlis.

6.0 PANDUAN PENENTUAN NAMA TAMAN, NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN

Penentuan nama-nama perlu diambil perhatian supaya tidak berlaku sebarang masalah selepas diluluskan. Penamaan hendaklah menggunakan perkataan tempatan yang tidak bertentangan dengan perlembagaan, undang-undang, kepercayaan agama mana-mana suku kaum. Selain itu, penamaan juga hendaklah ringkas, mudah diucapkan, sedap didengar, tidak membawa maksud negatif seperti Taman Derhaka.

Penentuan nama taman dan nama jalan juga boleh dirujuk di dalam Buku Garispanduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan (Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Kedua).

6.1 Nama Taman.

Kawasan perumahan yang mengandungi 30 unit rumah atau lebih layak untuk memohon **nama taman, nama jalan dan nombor bangunan**.

Bagi kawasan perumahan yang kurang daripada 30 unit rumah hanya perlu memohon **nama jalan dan nombor bangunan** sahaja.

6.1.1 Penentuan Nama Taman Perumahan Baru

- a. Bagi kawasan yang belum ada pembangunan, penamaan hendaklah mengikut panduan berikut :
 - i. Pemberian nama hendaklah menggunakan perkataan tempatan yang tidak bertentangan dengan perlembagaan, undang-undang dan kepercayaan agama

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

mana-mana suku kaum di Negara kita, yang ringkas, mudah diucapkan, sedap didengar, tidak berkonotasi negatif seperti Taman Derhaka dan bermakna positif serta tepat. (rujuk buku Garispanduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Kedua).

- ii. Nama asal kawasan tersebut yang ditambah dengan elemen baru yang positif, contohnya Taman Apam Putra.
 - iii. Nama jalan/ lorong bersempena nama tokoh-tokoh terkenal negeri dan Negara.
 - iv. Nama-nama lain yang dicadangkan yang boleh dipertimbangkan oleh Majlis.
- b. Menamakan taman perumahan baru atau sedia ada dengan nama orang adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, jika ingin menggunakan nama orang garispanduan berikut perlu dipatuhi :
- i. Nama-nama orang yang masih hidup tidak boleh diterima kecuali kes-kes yang istimewa.
 - ii. Nama orang yang ternama boleh dipilih daripada Raja-Raja/ Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar/ Ketua Menteri.
 - iii. Nama-nama orang terkemuka seperti dalam bidang professional, artis, pemuzik, seni lukis dan kebudayaan.
 - iv. Nama baik orang tersebut hendaklah terpelihara dan tidak tercemar semasa hidup sehingga kematiannya.
 - v. Butir-butir latar belakang serta perkhidmatan/ sumbangan terhadap masyarakat yang baik.
 - vi. Orang berkenaan/ waris/ keluarga memberi kebenaran bertulis menggunakan nama tersebut.

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

6.1.2 Pindaan Kepada Nama Taman Perumahan Sedia Ada

- a. Permohonan untuk menukar nama projek perumahan atau nama taman sedia ada hanya boleh diterima daripada badan-badan/ orang tertentu seperti berikut :
 - i. Menteri Besar Kelantan
 - ii. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
 - iii. Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan
 - iv. Pegawai Daerah
 - v. Yang Dipertua / Ahli Majlis
 - vi. Pertubuhan Politik dan
 - vii. Penggawa Daerah

- b. Cara penamaan kepada pindaan nama taman adalah seperti yang dinyatakan di para 6.1.

6.2 Nama Jalan

6.2.1 Penentuan Nama Jalan

- a. Pemberian nama hendaklah menggunakan perkataan tempatan yang tidak bertentangan dengan perlombagaan, undang-undang dan kepercayaan agama mana-mana suku kaum di Negara kita, yang ringkas, mudah diucapkan, sedap didengar, tidak berkonotasi negatif seperti Taman Derhaka dan bermakna positif serta tepat. (rujuk buku Garispanduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan terbitan Dewan Bahasa dan Pustala, Edisi Kedua).
- b. Nama asal kawasan tersebut yang ditambah dengan elemen baru yang positif, contohnya Taman Apam Putra.
- c. Nama jalan/ lorong bersempena nama tokoh-tokoh terkenal negeri dan Negara.

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

- d. Nama-nama lain yang dicadangkan yang boleh dipertimbangkan oleh Majlis.
- e. Kesesuaian nama jalan yang dicadangkan adalah seperti berikut :
 - i. Jalan Persekutuan
 - Memberi nama seperti Raja-Raja/ Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar/ Ketua Menteri.
 - Contoh :
 - Pembangunan - Jalan Tun Abdul Razak
 - Politik - Jalan Dato' Onn Jaafar
 - Kemasyarakatan - Jalan Rahim Kajai
 - Kebudayaan - Jalan P. Ramlee
 - ii. Jalan Negeri, Jalan Bandaran dan Lain-lain
 - Nama orang yang ternama boleh dipilih daripada Raja-Raja/ Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar/ Ketua Menteri.
 - Nama orang yang telah memberi sumbangan besar diperingkat negeri dan daerah.

6.3 Nombor Bangunan

6.3.1 Penyusunan Nombor Bangunan

- a. Bagi bangunan teres yang menghadap antara satu sama lain (dua blok bangunan), nombor bangunan hendaklah disusun berturutan mengikut susunan menaik seperti berikut :
 - i. Susunan ganjil (1,3,5,7,9,11,13,)
 - ii. Susunan genap (2,4,6,8,10,12,)
- b. Bagi bangunan teres satu blok sahaja, nombor bangunan hendaklah disusun mengikut susunan menaik iaitu :
 - i. Susunan berturutan (1,2,3,4,5,6,7,8,9,)

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

6.3.2 Pindaan Kepada Nombor Bangunan

- a. Syarat-syarat Permohonan
 - i. Pemohon adalah merupakan pemilik premis yang sah.
 - ii. Pemilik perlu mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak Majlis.
 - iii. Melengkapkan senarai semak permohonan.
 - iv. Membuat bayaran pemprosesan.

- b. Lain-lain Dokumen Sokongan
 - i. Salinan dokumen hakmilik tanah/ bangunan.
 - ii. Salinan surat perjanjian jual beli.
 - iii. Salinan resit cukai taksiran/ cukai tanah terkini
 - iv. Sijil layak menduduki (jika ada).

6.4 Nama-Nama Lain

6.4.1 Nama Tempat Awam

- a. Permohonan untuk menamakan tempat awam hanya boleh diterima daripada badan-badan/ orang berikut :
 - i. Setiausaha Kerajaan Negeri
 - ii. Pegawai Daerah
 - iii. Majlis (Yang Dipertua)

- b. Kesesuaian nama yang dicadangkan adalah seperti berikut :
 - i. Nama-nama yang diambil sempena nama tempat pemajuan akan diberi keutamaan.
 - ii. Nama-nama mengikut corak nama ikan/ bunga/ buah-buahan/ binatang/ pokok/ burung/ suasana dan lain-lain.
 - iii. Penamaan tempat awam dengan nama orang adalah tidak digalakkan, walau bagaimanapun, jika nama orang yang hendak dipilih perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

**MANUAL GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN ALAMAT
(NAMA JALAN DAN NOMBOR BANGUNAN)
MAJLIS DAERAH PASIR MAS 2016**

6.4.2 Nama Bangunan Awam

- a. Nama-nama yang diambil sempena nama tuan punya bangunan boleh dipertimbangkan.
- b. Nama-nama yang diambil sempena nama tempat pemajuan akan diberi keutamaan.
- c. Nama-nama mengikut corak nama ikan/ bunga/ buah-buahan/ binatang/ pokok/ burung/ suasana dan lain-lain.

7.0 PENUTUP

Manual garis panduan ini digubal bagi membantu pihak PBT dan pemaju dalam merancang, mengawal dan memantau pembangunan agar tidak bercanggah dengan dasar dan prinsip perancangan.

Penyediaan Manual Garispanduan ini akan dapat memudahkan proses permohonan kepada pengusaha atau pemaju berkenaan permohonan penamaan nama taman, nama jalan dan penomboran bangunan.

Adalah menjadi hasrat Unit Perancangan dan Pembangunan MDPM agar Manual Garis panduan yang digubal ini dapat memandu pihak-pihak terlibat termasuk pengusaha, pemaju, PBT dan agensi bertanggungjawab dalam mengemukakan permohonan penamaan nama taman, nama jalan dan penomboran bangunan.